

**Kesejahteraan Ummah Dan Agihan Semula**

**Kekayaan Menurut Perspektif Islam**

Shamsiah Mohamad

Profesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
Malaysia, [shamsiahm@um.edu.my](mailto:shamsiahm@um.edu.my), [drshamsiah@gmail.com](mailto:drshamsiah@gmail.com), +603 79676021

Asmak Ab Rahman

Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
[asmak@um.edu.my](mailto:asmak@um.edu.my), +603 7967 6042

Sharifah Hayaati Syed Ismail

Profesor Madya, Jabatan Siasah Syar`iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
Malaysia, [sashsiaq@um.edu.my](mailto:sashsiaq@um.edu.my)

### **Abstrak**

Kesejahteraan ummah merupakan satu perkara yang sangat penting bagi mencapai pembangunan sesebuah negara. Malah para sarjana berpandangan bahawa pembangunan ekonomi sesebuah negara boleh dicapai apabila wujudnya kesejahteraan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu kesejahteraan menjadi satu indikator penting dalam menentukan status negara membangun. Islam telah menggariskan polisi bagi menjamin kesejahteraan iaitu dengan cara menjaga lima perkara iaitu menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Artikel ini akan melihat secara khusus bagaimana Islam menjamin kesejahteraan ummah melalui agihan semula kekayaan menerusi pensyariatan zakat, wakaf dan sedekah.

Kata kunci: agihan semula kekayaan, kesejahteraan ummat, *maqasid al-syari`ah*, *al-daruriyyat al-khamsah*.

### **Pengenalan**

Islam merupakan agama yang mengutamakan kesejahteraan ummatnya. Ini jelas daripada perkataan Islam itu sendiri yang membawa maksud selamat sejahtera. Bagi menjamin umat Islam hidup sejahtera di dunia dan di akhirat, 5 perkara asasi yang disebut sebagai *al-daruriyyat al-khamsah* yang menjadi intipati utama *maqasid al-Syari`ah* perlu dipelihara dan diberi perhatian serius. 5 perkara tersebut ialah agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Kegagalan memelihara 5 perkara asasi ini akan membawa kehancuran kepada ummah baik di dunia maupun di akhirat. Antara bentuk pemeliharaan *al-daruriyyat al-khamsah* yang telah ditetapkan Allah ialah melalui agihan kekayaan sama ada dalam bentuk yang diwajibkan seperti zakat atau dalam bentuk yang dilakukan secara sukarela seperti sedekah, wasiat dan wakaf. Apa yang ditetapkan oleh Allah ini tidak bukan melainkan untuk menjamin keadilan sosial dan kesejahteraan ummah.

### **Definisi Kesejahteraan**

#### **i. Dari segi bahasa**

Kesejahteraan berasal dari kata dasar sejahtera. Kamus Pelajar Edisi Kedua (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) mentakrifkan sejahtera sebagai bebas daripada segala macam kesusahan dan lain-lain; aman sentosa dan makmur; selamat. Kesejahteraan pula membawa maksud hal atau keadaan sejahtera; keamanan, keselamatan, ketenteraman.

#### **ii. Dari segi istilah**

Para sarjana telah membincangkan maksud kesejahteraan manusia dengan pelbagai makna, Gasper (2002), Travers dan Richardson (1997) telah membincangkan maksud kesejahteraan sebagai satu konsep atau abstrak yang digunakan untuk dirujuk kepada apa sahaja yang digunakan untuk menilai situasi dan keadaan kehidupan seseorang. Secara ringkasnya ia merupakan satu penerangan tentang keadaan hidup seseorang manusia.

Dimensi kesejahteraan manusia telah dikenalpasti dan terdapat pelbagai dimensi contohnya berilmu, persahabatan, penzahiran diri, perhubungan, integriti, kesihatan, jaminan ekonomi, kebebasan, kasih sayang, harta dan masa berehat (Alkire, 2002).

Veenhoven(2004) merumuskan bahawa kesejahteraan manusia adalah bermaksud kualiti hidup. Malah beliau berpandangan bahawa kualiti hidup ini boleh diukur melalui kaedah yang digunakan oleh United Nation for Development Program (UNDP). UNDP mengukur kualiti hidup manusia dengan melihat kepada Indeks Pembangunan Manusia yang mengukur tiga perkara iaitu:

- i. Kekayaan masyarakat diukur dengan melihat kepada kuasa beli per orang
- ii. Pendidikan dengan diukur kepada kadar celik huruf dan persekolahan
- iii. Jangka hayat sewaktu lahir

Seterusnya UNDP juga memasukkan dua item lain dalam pengukuran pembangunan manusia iaitu:

- i. Kesamaan gender yang diukur melalui Gender Empowerment Index yang melibatkan nisbah lelaki dan perempuan berkaitan kadar celik huruf, kemasukan ke sekolah dan pendapatan
- ii. Kemiskinan yang diukur melalui kematian pra matang, kadar buta huruf functional dan kekurangan pendapatan.

Dalam definisi lain dijelaskan, kesejahteraan ialah:

الحالة التي تتحقق فيها الحاجات الأساسية للفرد والمجتمع من غذاء وتعليم وصحة وتأمين ضد كوارث الحياة

“Kesejahteraan (*welfare*) adalah keadaan di mana keperluan dasar bagi individu atau kelompok dapat dipenuhi baik berupa keperluan makanan, pendidikan, kesihatan, dan jaminan kepada daripada bencana kehidupan.” (Badawi, 1986).

Pengertian-pengertian yang diberi di atas lebih merujuk kepada kesejahteraan dalam aspek material atau kesejahteraan *duniawi* semata-mata. Choudhury (2009) menjelaskan bahawa konsep kesejahteraan dalam Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan keesaan Allah atau Tauhid. Ini bermakna konsep kesejahteraan dalam Islam mempunyai skop yang lebih luas di mana ia tidak terhad kepada kesejahteraan *duniawi* semata-mata malah ia merangkumi kesejahteraan *ukhrawi*, dan inilah yang disebut sebagai *al-falah*.

Dari sudut pandang Islam, konsep kejayaan (*al-falah*) yang ditekankan ialah mendapat keuntungan, kebahagiaan dan kejayaan bukan sahaja di dunia tetapi kejayaan yang dicapai itu akan dikongsi di alam akhirat. Jelas di sini bahawa konsep *al-falah* yang dibawa oleh Islam adalah untuk menyemarakkan lagi kemurnian dan keagungan peradaban Islam demi kesejahteraan umum dengan cara menintegrasikan keperluan *duniawi* dan *ukhrawi* secara bersepadu mengikut acuan agama.

al-Quran telah meletakkan mekanisme-mekanisme yang tertentu bagi mencapai *al-falah* ini. Secara mudahnya, mekanisme yang dikenal pasti sebagai formula untuk mencapai kejayaan adalah dengan menghayati unsur-unsur murni seperti keimanan yang tinggi, amal soleh, taqwa, *al-amr bi al-ma`ruf wa al-nahy`an al-munkar*, akhlak yang terpuji dan nilai-nilai luhur murni lain yang diiktiraf dalam setiap perlakuan manusia. Firman Allah s.w.t. :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾


“Maksudnya: Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya, mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu), dan mereka yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya. Maka sesungguhnya mereka tidak tercela. (al-Mu`minun: 1-6)

### ***Maqasid Al-Syari`ah Dan Kaitannya Dengan Kesejahteraan Ummah***

*Maqasid al-Syari`ah* atau dalam Bahasa Melayunya boleh diterjemah sebagai objektif Syariah. Ia terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan Syariah. *Maqasid* adalah sinonim kepada *masalah*. Ini terbukti apabila para sarjana menggunakannya secara bersilihganti apabila membincangkan tentang kedua perkara tersebut (Dusuki & Abdullah, t.t). Secara umumnya *maqasid* yang telah ditetapkan oleh Allah Taala apabila Dia menurunkan segala hukum hakam melalui Rasulullah s.a.w. adalah untuk menjana *masalah* (*jalb al-masalih*) dan menjauhi keburukan (*daf` al-mafasid*) (al-Syatibi, t.t.). Menurut al-Syatibi (t.t.) *maqasid* boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :

- i. *Maqasid daruriyyah* yang terangkum di dalamnya 5 perkara iaitu menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan(maruah). Kesemua 5 perkara ini adalah keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada ertinya lagi. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah* (Mahmood Zuhdi & Paizah, 2004). Menurut Hashim Kamali (2010), pengabaian kepada perkara asasi ini boleh membawa kepada kehancuran dan keruntuhan peribadi dan masyarakat.
- ii. *Maqasid hajiyyat* iaitu yang melibatkan perkara-perkara yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas seharian. Dengan kata lain ia merupakan satu keperluan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat.
- iii. *Maqasid tahsiniyyat* iaitu yang diperlukan untuk menjaga kehormatan hidup yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Ia diperlukan untuk menjamin kelancaran hidup manusia.

Ringkasan kepada hirarki ketiga-tiga *maqasid/maslahah* seperti yang dijelaskan di atas digambarkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Hirarki *Maqasid Syariah*

Daripada penjelasan diatas dapatlah difahami bahawa kesejahteraan ummah yang boleh juga disebut sebagai kesejahteraan sosial boleh dicapai apabila 5 perkara asasi dalam *maqasid daruriyyah* dipelihara dengan baik. Lebih jauh daripada itu, ketiga-tiga *maqasid* yang disebutkan

di atas amat penting dipenuhi secara seimbang bagi menjamin kesejahteraan ummah (Rahimin et.al., 2006). Nor Rasihin (2009) menjelaskan bahawa kesejahteraan sosial ini akan dapat direalisasikan dalam sistem masyarakat yang stabil, khususnya adanya kestabilan dari aspek keamanan. Kestabilan sosial dan ekonomi tidak mungkin terjamin tanpa adanya kestabilan keamanan yang termasuk juga kestabilan politik. Hal ini sebagaimana doa Nabi Ibrahim:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ قَالَ  
وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa: Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki daripada buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian. Allah berfirman: "Dan kepada orang yang kafirpun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani siksa neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali" (al-Baqarah: 126).

### **Siasah Syar`iyyah Dan Kaitannya Dengan Kesejahteraan Ummah**

Kesejahteraan masyarakat atau ummah adalah visi atau matlamat jangka panjang bagi sesebuah pemerintahan yang berasaskan nilai-nilai demokrasi. Dalam sistem politik Islam atau *siasah syar`iyyah*, matlamat ini sering dirujuk melalui konsep *maslahah* atau istilah-istilah lain yang membawa maksud yang hampir sama dengannya seperti *maslahah `ammah*, *islah* dan *istislah* dan *maqasid al-Syari`ah*. Kesemua istilah ini lebih merujuk kepada maksud kebajikan, kebaikan, kepentingan dan kesejahteraan masyarakat. (Ibn Nujaim, t.t). Abd al-Wahhab Khallaf (1989) pula mengungkapkan *maslahah* itu dengan katanya ”*tahqiq al-masalih wa daf` al-madar*” iaitu melaksanakan kebaikan dan menghindarkan keburukan. Ia adalah antara istilah yang banyak digunakan oleh pemikir politik Islam dalam penulisan mereka. Namun, maksud keseluruhan daripada konsep *siasah syar`iyyah* itu sememangnya tidak lari daripada tumpuan untuk mencapai kesejahteraan ummah di dunia dan di akhirat. Antara pandangan mereka adalah seperti dalam perenggan yang seterusnya.

Menurut al-Bujairimi (1956), ”siasah syar`iyyah ialah mengislah keadaan rakyat dan mentadbir urusan mereka dengan baik”. Manakala Ibn Nujaim (t.t.) pula menyatakan bahawa *siasah syar`iyyah* itu adalah ”*sesuatu tindakan yang dilakukan oleh pemimpin mengikut maslahah yang*

*difikirkannya, walaupun tindakan itu tidak dinyatakan oleh dalil syara' secara juz'i.*" Ibn al-Qayyim (1995) yang menukulkan pandangannya berdasarkan pandangan Ibn `Aqil mendefinisikan *siasah* sebagai "apa saja tindakan yang dapat mendekatkan masyarakat kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada kerosakan, walaupun ia tidak dinyatakan oleh Rasulullah SAW dan tidak dijelaskan oleh al-Quran secara langsung." Malah, *siasah* juga dibahagikan kepada dua iaitu *siasah zalimah* dan *siasah `adilah*; iaitu yang melaksanakan tuntutan syarak dan kepentingan ummah adalah *siasah `adilah*, manakala yang tidak berlaku adil dalam pemerintahannya adalah *siasah zalimah*. Pembahagian ini ditegaskan oleh al-Tarabulsi (1973) dalam kata-katanya:

"Siasah itu terbahagi kepada dua. Pertamanya siasah yang zalim dan diharamkan oleh syariat. Keduanya, siasah adil yang boleh menafikan `hak' daripada orang yang zalim, menghalang berlakunya kezaliman, menghindar kemungkaran dan yang boleh menjadi jalan ke arah pencapaian objektif syariat bagi umat manusia."

Menurut Abu Zuhrah (t.t.), sesebuah pemerintahan itu dibezakan bergantung kepada sejauhmana kepentingan masyarakat dijaga dan terjamin. Hal ini menunjukkan bahawa tiada perbahasan dan bukannya amalan pemerintahan Islam jika ia tidak bermatlamatkan kesejahteraan ummah. Kesejahteraan dan kebajikan ummah itu mampu dicapai melalui pelbagai usaha dan polisi termasuklah memastikan pengagihan kekayaan sumber negara secara adil melalui pelbagai mekanisme yang telah ditetapkan dalam Islam itu sendiri seperti sistem zakat, sedekah dan wakaf.

Dalam konteks semasa atau kontemporari, persoalan kebajikan masyarakat kian menjadi fokus utama termasuklah juga dalam perbahasan ilmu sains politik. Antaranya melalui konsep efektif governan atau urustadbir baik dan berkesan (*effective and good governance*). Penekanan utama dalam efektif governan adalah untuk memenuhi keperluan dan kebajikan masyarakat (*public interest*) melalui pendekatan yang dinamakan "Kerajaan Untuk Rakyat" (*Government to citizen (G2C) approach*) dan mengaktifkan penglibatan oleh rakyat (*citizenry participation*) dalam mewujudkan pembangunan yang mapan. Tanpa kesejahteraan ummah atau rakyat, sesebuah kerajaan itu boleh dianggap gagal dalam urustadbirnya. Kegagalan itu pula, mampu menjejaskan kestabilan politik, sosial dan ekonomi sesebuah Negara. (Sharifah Hayaati, 2009a)



Perkaitan antara kesejahteraan rakyat dan efektif governan ini boleh difahami lagi melalui apa yang dijelaskan oleh UNDP sebagaimana berikut:

“...the exercise of political, economic and administrative authority to manage a nation's affairs. It is the complex mechanisms, processes and institutions through which citizens and groups articulate their interests, exercise their legal rights and obligations, and mediate their differences”. (Sakiko Fukada-Parr & Richard Ponzio, 2007)

Petikan di atas menunjukkan bahawa kepentingan rakyat, hak serta kewajipan mereka adalah suatu proses dan mekanisme yang kompleks dalam pengurusan ekonomi, politik dan pentadbiran negara dalam mewujudkan efektif governan. Hal yang sama juga dinyatakan oleh International Institute of Administrative Sciences (<http://www.britcoun.org/governance/ukpgov.html>). Oleh itu, aspek yang perlu ditekankan untuk mencapai kesejahteraan ummah perlulah meliputi ketiga-tiga aspek kesejahteraan politik, sosial dan ekonomi. Sesuai dengan tumpuan penulisan ini, kesejahteraan ekonomi melalui agihan semula kekayaan melalui sistem zakat, wakaf dan sedekah adalah tiga mekanisme agihan yang mampu membawa kesejahteraan ummah.

### **Agihan Semula Kekayaan Menurut Islam**

Agihan semula kekayaan merujuk kepada pengaliran harta dari sebahagian masyarakat kepada masyarakat yang lain sama ada dalam bentuk wang mahupun barangan. Agihan semula kekayaan juga boleh dirujuk sebagai membiayai perkhidmatan untuk masyarakat seperti kesihatan dan pendidikan oleh satu golongan masyarakat kepada masyarakat yang lain.

Terdapat tiga ejen agihan semula kekayaan iaitu kerajaan, individu dan institusi tertentu seperti yayasan yang mewakili satu kelompok masyarakat. Bagaimana kekayaan ini diagihkan adalah menggunakan kaedah tertentu seperti cukai<sup>1</sup>, subsidi dan kebajikan.

Dalam konteks ini, Islam telah menyediakan satu mekanisme agihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati bersama oleh masyarakat melalui zakat, hibah, kifarat, korban, dan wakaf.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Antara tujuan utama sesebuah Negara mengenakan cukai kepada individu, syarikat mahupun harta adalah untuk membiayai pembangunan Negara. Lihat Todaro, Michael P. dan Smith, Stephen C. (2009), *Economic Development*, England: Pearson Education Limited, hal. 770.

Kesemua mekanisme agihan yang disebutkan di atas adalah satu tuntutan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam. Zakat sebagai satu rukun Islam merupakan satu kewajipan kepada individu muslim yang layak. Ini bermakna kesejahteraan ummah akan dicapai kerana adanya zakat. Zakat fitrah diwajibkan kepada setiap muslim yang merdeka apabila tibanya 1 Syawal manakala zakat harta yang lain juga diwajibkan kepada umat Islam yang cukup syarat ke atas diri dan hartanya.

Manakala selebihnya bagi muslim yang ingin *taqarrub* kepada Allah kerana ingin mendapat pahala yang berpanjangan akan melaksanakan wakaf. Oleh itu wakaf sebagai mekanisme agihan semula adalah sangat unik kerana pewakaf tidak perlu dipaksa untuk melakukannya kerana ia dibuat dengan niat mendapat keridaan Allah. Begitu juga dengan sedekah dan hibah yang dilakukan kerana ingin mendapat keridaan Allah.

Oleh kerana Syariah memperundangkan kaedah agihan semula kekayaan dalam bentuk pelaksanaan ibadat, motivasi utama seseorang Muslim untuk mengagih semula harta kekayaannya dan berkongsi kekayaannya dengan orang lain adalah kerana mereka menzahirkan keimanan dan dijanjikan pahala. Mereka ingin berkongsi harta kekayaan mereka dengan orang lain supaya orang yang memerlukan dapat merasa keselesaan dan kesejahteraan hidup hasil agihan kekayaan mereka disebabkan oleh iman dan kepercayaan kepada Allah (Asmak, 2009). Motivasi supaya berkongsi kekayaan dengan orang lain ditekankan oleh Allah dan memberi amaran kepada mereka yang bersifat bakhil sebagaimana firman Allah:

هَاتَأْتُمْ هَتؤلآءِ تَدْعَوْرَبَ لِتُنْفِقُوا فِى سَبِيلِ اللّهِ فَمِنْكُمْ مَّنْ يَبْخَلُ ۗ وَمَنْ يَبْخَلْ فَإِنَّمَا يَبْخَلْ عَن نَّفْسِهِ ۗ  
وَاللّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ ۗ وَإِن تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَلَكُمْ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Ingatlah kamu ini adalah orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah. Maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri.

<sup>2</sup> Selain cara agihan semula kekayaan di atas, Islam menetapkan ibadah-ibadah lain sebagai kaedah agihan semula kekayaan seperti sedekah sunat, *aqiqah*, *iqta* dan *fidyah*,

(Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepada-Nya pada segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan menafkah), Dia (Allah) akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.” (Surah Muhammad:38)

Selain itu Allah juga memberi peringatan kepada manusia bahawa sesiapa yang membelanjakan hartanya akan mendapat pahala yang berlipat ganda sebagaimana firman Allah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ  
لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya: “Perumpamaan (derma atau nafkah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, adalah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.” (Surah al-Baqarah:261)

Falsafah ini adalah berlawanan dengan falsafah Barat. Manusia sebagai individu yang pentingkan diri sendiri sudah tentu sayang kepada harta miliknya, malah mereka terbelenggu dengan sikap tamak kepada harta milik mereka. Apabila manusia mempunyai sikap sayang kepada harta miliknya sudah tentu hatinya tidak ingin memberikan nikmat kekayaannya kepada orang lain (Huq, 1993).

Walau bagaimanapun, sikap pentingkan diri sendiri dan sayangkan diri sendiri ini ditangani oleh Islam dengan memberi jaminan kepada manusia bahawa sekiranya mereka berkongsi kekayaan dengan orang lain, maka mereka akan diberi ganjaran pahala di akhirat. Walaupun balasan kepada perbuatan berkongsi harta dengan orang lain tidak diberi ganjaran dalam bentuk balasan bersifat fizikal namun individu Muslim akan melakukannya kerana mereka mengharapkan pahala untuk diri mereka di akhirat nanti (Chapra, 2001). Ini bererti sekiranya mereka tidak ingin berkongsi kekayaan mereka dengan orang lain kerana mementingkan kehendak dan keperluan sendiri di dunia ini, maka di akhirat nanti kepentingan diri mereka tidak akan terbela. Kesimpulan ini boleh dibuat kerana Allah telah menjelaskan bahawa orang yang kedekut dan

tidak mempedulikan keperluan saudaranya yang lain akan mendapat balasan neraka sebagaimana dijelaskan oleh Allah dalam Surah al-Muddathir :42-44:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ نُطْعِمِ الْمَسْكِينِ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka berkata apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka *saqar*. Orang-orang yang bersalah itu menjawab kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin.”

Amaran Allah tentang orang yang mementingkan diri sendiri dan tidak mengambil berat tentang kebajikan saudaranya turut dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Haqqah:31-34 di mana balasan neraka dijanjikan kepada orang yang mengabaikan tanggungjawabnya membantu memberi makanan kepada orang miskin sebagaimana firman Allah SWT:

ثُمَّ الْجَحِيمِ صَلْوُهُ ﴿٣١﴾ ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾ إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾ وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahanam. Selain itu masukkanlah dia dalam lingkaran rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta dengan membelitkannya ke badannya. Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar. Dan dia juga tidak menggalakkan dirinya dan orang lain memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.”

Peringatan-peringatan dari al-Quran ini memperjelaskan bahawa di dalam Islam agihan semula kekayaan ini baik dalam bentuk zakat, wakaf, sedekah, hibah dan sebagainya merupakan satu tindakan yang perlu dilakukan oleh umat Islam yang mempunyai lebih kekayaan. Walaupun manusia sangat sayangkan hartanya dan pentingkan kehendak dirinya sendiri tetapi Allah telah memberi peringatan bahawa sekiranya mereka ingkar dan berdegil dengan sikap pentingkan diri sendiri, maka di akhirat nanti mereka akan diberikan balasan azab yang pedih di dalam neraka. Malah bagi individu yang tidak mementingkan diri sendiri dan suka untuk berkongsi kekayaannya dengan orang lain supaya orang lain mendapat kesejahteraan hidup, mereka diberi pujian dan ganjaran oleh Allah sebagaimana firma Allah di dalam surah al-Baqarah, ayat 274 yang bermaksud:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ  
يَحْزَنُونَ

Maksudnya: “Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berdukacita.”

Oleh kerana agihan semula kekayaan sangat perlu dalam mencapai kesejahteraan ummah, maka jelas dan terbukti bahawa Allah sebagai Pencipta telah menyediakan kaedah agihan semula kekayaan dalam rangka kerja yang sempurna melalui ibadat zakat, wakaf, sedekah, hibah dan lain-lainnya, dan motivasi melaksanakan perintah tersebut adalah balasan di akhirat nanti. Secara prinsipnya kejayaan pelaksanaan agihan semula kekayaan di dalam Islam ini sesungguhnya bertunjangkan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Oleh itu tidak dapat dinafikan lagi bahawa dalam pembangunan ekonomi, aspek kesejahteraan manusia ini perlu diambil berat. Jika ahli ekonomi konvensional (Todaro & Smith (2009) berpandangan bahawa untuk pembangunan modal insan ini perlu kepada pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan sebagai satu pelaburan ke arah penyediaan modal insan untuk pembangunan ekonomi, konsep ini turut sama disokong oleh ahli ekonomi Islam (Iqbal, 1991). Malah ahli ekonomi Islam berpandangan bahawa pembangunan ekonomi memerlukan keseimbangan dari segi kebendaan dan bukan kebendaan serta perlu mengambil kira aspek untuk mencapai pembangunan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu Islam tidak melarang manusia berusaha memperoleh pembangunan ekonomi dalam bentuk material dan dalam masa yang sama perlu mengambil kira pembangunan untuk mencapai *maqasid al-syari`ah* (Chapra, 1993).

Untuk mencapai keseimbangan di dunia dan di akhirat, Islam bukan setakat melihat kepada penghapusan kemiskinan, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, tetapi perlu juga mengambil kira aspek kerohanian insan. Rohani manusia juga perlu dibangunkan kerana ia merupakan nadi penggerak dalaman manusia ke arah kebaikan. Kerohanian ini dapat dibangunkan dengan rasa keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan Maha Pencipta yang memberi rezeki dan memberi balasan serta tempat memohon pertolongan (Sadeq, 1990). Islam

melihat bahawa kemiskinan bukan setakat kemiskinan harta semata-mata tetapi miskin jiwa dan rohani adalah keadaan kemiskinan yang paling teruk kerana ia membawa kepada kekufuran kepada Allah (Huq, 1993).

Kesejahteraan dan kebajikan serta *falah* yang ingin dicapai dalam kerangka pembangunan ekonomi Islam bukan sekadar untuk memenuhi keperluan *duniawi* semata-mata, tetapi juga kesejahteraan, kebajikan dan *falah* di akhirat, dan antara keduanya tidak ada garis pemisah. Pembangunan ialah kegiatan yang berorientasikan matlamat dan nilai yang ditumpukan ke arah memprtingkatkan kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi. Dalam kata lain, pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah untuk mencapai kebajikan, kesejahteraan dan *falah* material *duniawi* dan *ukhrawi* (Joni,2008).

**Asas Agihan Kekayaan Berdasarkan Konsep *al-`adl* (keadilan) dan *masalah*  
(kesejahteraan ummah)**

*Al-`adl* (العدل) iaitu kata dasar yang bererti adil atau tidak berat sebelah, tidak memihak atau menyamakan sesuatu atau mengimbanginya. Ia juga sering disamakan dengan perkataan lain dalam bahasa Arab iaitu "المساواة", "القسط" dan "المثل" yang memberi maksud sama bahagian (Ibn Manzur, t.t). Keadilan diberi erti sebagai "meletakkan sesuatu pada tempatnya" atau dalam bahasa Arab "وضع الشيء في مقامه". Ia juga mempunyai maksud sebagai berpihak atau berpegang kepada kebenaran (Ibn Manzur, t.t), ( al-Fairuzabadi, 1983) ).

Para fuqaha' menyatakan bahawa keadilan itu ialah mencegah diri daripada melakukan dosa besar serta menjauhkan diri dari sesuatu yang boleh merosakkan maruah (Zaidan, 1998). Pandangan ini lebih menjurus kepada sifat adil bagi seorang pemimpin apabila melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya.

Zaidan (1998) menyatakan bahawa menurut Ibn Qudamah, keadilan merupakan sesuatu yang tersembunyi dan ia sebagai dorongan perasaan kerana takut kepada Allah SWT. Al-Maraghi (1966) dalam tafsirnya berpendapat bahawa keadilan itu ialah menyampaikan sesuatu hak kepada orang yang berhak dengan cara yang paling sesuai, terbaik dan termudah. Kefahaman tentang konsep ini adalah penting dalam melaksanakan segala urusan pemerintahan dan

pentadbiran dalam sesebuah Negara termasuklah dalam aspek pengagihan kekayaan atau ekonomi Negara. Pengagihan yang adil akan menjamin kesejahteraan rakyat serta mampu mengecilkan jurang pendapatan antara golongan miskin dan kaya. (Sharifah Hayaati, 2009b) Hujah ini adalah bersandarkan kepada perintah Allah s.w.t tentang asas keadilan ini yang disebut sebanyak 12 kali di dalam al-Quran. Antara ayat-ayat tersebut ialah:

1) Surah al-Baqarah:123

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا تَنْفَعُهَا شَفَعَةٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: "Dan peliharalah diri kamu dari (huru-hara) hari kiamat (yang padanya) seseorang tidak dapat mengganti atau melepaskan orang lain sedikitpun, dan tidak akan diterima daripadanya sebarang tebusan, dan tidak akan memberi manfaat kepadanya sebarang syafaat; dan orang-orang yang salah itu tidak akan ditolong (dari azab sengsara)".

2) Surah al-Maidah:106

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهَدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ حِينَ الْوَصِيَّةِ اثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ أَوْ ءَاخِرَانِ مِّنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ صَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَأَصْبَبْتُمْ مُصِيبَةَ الْمَوْتِ تَحْسِبُونَهُمَا مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَيَقْسِمَانِ بِاللَّهِ إِنْ أَرَبْتُمْ لَا نَشْتَرِي بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا نَكْتُمُ شَهَادَةَ اللَّهِ إِنَّا إِذًا لَمِنَ الْآثِمِينَ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: "Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa".

3) Surah al-Nisa':58

﴿٥٨﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan

(suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”

4) Surah al-Nahl: 90

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”.

5) Surah al-Maidah :8

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۗ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

### **Peranan Zakat, Wakaf dan Sedekah Dalam**

#### **Menjamin Kesejahteraan Ummah**

Oleh kerana dimensi kesejahteraan manusia merujuk kepada keadaan manusia dari segi keberadaan mereka diluar kemiskinan, kuasa beli dan keupayaan celik huruf maka secara dapat dilihat bahawa zakat, wakaf dan sedekah sememangnya berperanan dalam menjamin kesejahteraan manusia.

#### **Peranan Zakat**


Oleh kerana zakat adalah satu rukun maka kebarangkalian untuk umat Islam di sesuatu negara untuk mengeluarkan zakat adalah tinggi. Patmawati Ibarhim (2008) menjelaskan bahawa zakat menyediakan mekanisme di mana sumber-sumber yang ada dalam masyarakat akan diagihkan



kepada yang miskin dan memerlukan. Dengan itu, jurang agihan pendapatan dalam masyarakat akan dapat dirapatkan.

Selain itu dengan adanya zakat penerima zakat juga akan mempunyai kuasa beli dengan adanya agihan wang zakat kepada mereka. Selain dalam bentuk agihan wang penerima zakat menerima zakat dalam pelbagai bentuk iaitu bantuan penggunaan semasa (untuk makanan dan sara hidup) bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kecemasan (Patmawati, 2008).


Jika dilihat kepada agihan zakat contohnya di Johor (lihat carta 1) didapati bahawa jumlah agihan meningkat dari setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa para asnaf zakat mendapat hak mereka dan dengan itu membolehkan mereka menggunakan zakat tersebut untuk kesejahteraan mereka.



**Carta 1: Agihan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor Tahun 2000-2008**

Sumber: <http://www.maij.gov.my/utama.htm>, akses 24 Januari 2010

Carta 2 menunjukkan bahawa agihan zakat itu diberikan kepada 7 asnaf yang mana agihan ini dapat membantu merealisasikan kesejahteraan mereka.



Carta 2: Pecahan Agihan Zakat Johor Tahun 2008

Sumber: <http://www.maj.gov.my/utama.htm>, akses 24 Januari 2010

### Peranan Wakaf

Wakaf yang merupakan satu amalan yang sangat digalakkan juga memainkan peranan dalam menjamin kesejahteraan manusia. Wakaf merupakan pelengkap kepada zakat dan bentuk agihannya juga boleh meliputi agihan dalam bentuk penyediaan kemudahan kesihatan, agihan dalam bentuk penyediaan sekolah-sekolah wakaf, agihan dalam bentuk penyediaan rumah-rumah perlindungan anak yatim dan sebagainya (Asmak, 2009).

### Peranan Sedekah

Sedekah yang merupakan satu amalan sunat yang digalakkan kepada umat Islam merupakan satu bentuk agihan semula dalam Islam bagi menjamin kesejahteraan ummah. Sedekah ini diberi dalam pelbagai bentuk baik wang, pakaian mahupun makanan. Malah jika dilihat kepada amalan mendedahkan makanan kepada sesama umat Islam terutamanya kaum fakir miskin dan anak yatim merupakan satu cara Islam menangani masalah ketidakupayaan mencapai makanan. Ini kerana makanan merupakan satu elemen asas bagi kelangsungan manusia. Malah badan-badan dunia turut merangka cara untuk memastikan makanan diperolehi oleh segenap masyarakat (Asmak, 2009).

### Kesimpulan

Kesejahteraan ummah merupakan matlamat asasi Syariat Islam diturunkan kepada ummat manusia. Ini jelas daripada perbincangan para ulamak tentang *maqasid al-syari`ah* yang mana ianya terangkum dalam falsafah *jalb al-masalih wa dar' al-mafasid*. Antara mekanisme yang diperkenal oleh Islam dalam merealisasikan kesejahteraan ummah ialah melalui agihan

kekayaan. Pengagihan ini ada yang berbentuk suatu kewajipan ke atas setiap muslim iaitu zakat dan ada juga yang berbentuk galakan seperti berwakaf dan bersedekah.

### Rujukan

- Abdul Azis Dahlan et al. (ed.) (1999). *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: Pt Ichtiar Van Hoeve.
- Abu Zuhrah, Muhammad (t.t). *Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Jld 2. Kaheerah: al-Halabi.
- al-Bujairimi, Sulaiman ibn Omar ibn Muhammad (1956). *Hasyiah al-Bujairimi `ala al-Minhaj*, juz.2. Kaheerah:Matbaah Mustafa al-Babi.
- al-Fairuzabadi (1983). *al-Qamus al-Muhit*. j.4. Beirut:Dar al-Fikr.
- Alkire, S. (2002). Dimensions of Human Development. *World Development*. 30(2): 181–205.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1966). *Tafsir al-Maraghi*. j.2, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim al-Lakhmi (t.t.). *al-Muwafaqat*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Tarabulsi, `Ala' al-Din (1973). *Mu'in al-Hukkam*. Kaheerah:al-Halabi. Cetakan Kedua.
- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17( 1), hh. 113-152.
- Asmak Ab Rahman (2009). Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*, 17:(2).
- Badawi, A. Zaki (1986). *Mu'jam Mushtalahat al-'Ulum al-Ijtima'iyyah*. Beirut:Maktabah Lubnan. Dipetik dari Nur Rosihin Ana. Konsep Al-Qur'an tentang Kesejahteraan Sosial. Diperolehi dari <http://naghata.blogspot.com/2009/02/kesejahteraan-sosial-dalam-islam.html>. Akses pada 18 Januari 2010.
- Chapra, Mohamad Omar (2001). *What Is Islamic Economics?*. Saudi Arabia: Islamic Development Bank.
- Chapra, Muhammad Umer (1993). *Islam and Economic Development*. Pakistan: The International Institute of Islamic Thought and Islamic Research Institute.
- Choudhury, Masudul Alam (2009). Distribusi Kesejahteraan Dalam Islam. Diperolehi dari [http://ekisonline.com/index.php?option=com\\_content&task=view&id=200&Itemid=28](http://ekisonline.com/index.php?option=com_content&task=view&id=200&Itemid=28). Akses pada 20 Januari 2010.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), Kamus Pelajar Edisi Kedua. Diperolehi dari <http://prpm.dbp.gov.my/carian.aspx?cari=sejahtera&domain=PRPM>. Akses pada 18 Januari 2010

- Dusuki, Asyraf Wajdi & Abdullah, Nurdianawati Irwani (2007). Maqasid al-Shari`ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), pp. 25-45. Diperolehi dari <http://i-epistemology.net/economics-a-business/948-maqasid-al-shariah-maslahah-and-corporate-social-responsibility.html>, akses pada 20/1/2010.
- Fukada-Parr, Sakiko & Ponzio, Richard (t.t.). Governance: Past, Present, Future Setting the Governance Agenda for the Millennium Declaration. Diperolehi dari <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/UN/UNPAN006224.pdf>, akses pada 24 Januari 2010.
- Gasper, D. (2002). Is Sen's Capability Approach an Adequate Basis for Considering Human Development?. *Review of Political Economy*, 14(4): 435-61.
- Huq, Ataul (1993). *Development and Distribution in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-'Arab*. j.12. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaim, Zainuddin (t.t). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*, juz.5. Beirut:Dar al-Kutub al-Islami.
- Ibn Qayyim, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Beirut:Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Iqbal, Munawar (1991). Financing Economic Development. Dalam AbulHasan Muhammad Sadeq et al. (edit), (1991), *Development and Finance in Islam*, Petaling Jaya: International Islamic University Press.
- Joni Tamkin Borhan (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, pp. 93-107.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004). *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mohammed Hashim Kamali. Al-Maqasid Al-Shari'ah The Objectives Of Islamic Law. Diperolehi dari (<http://www.aml.org.uk/journal/3.1/Kamali%20-%20Maqasid.pdf>), akses pada 24 Januari 2010.
- Nor Rasihin (2009). Konsep Al-Qur'an tentang Kesejahteraan Sosial. Diperolehi dari <http://naghata.blogspot.com/2009/02/kesejahteraan-sosial-dalam-islam.html>. Akses pada 18 Januari 2010.
- Patmawati Ibrahim (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), hh. 223-244.

- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail & Idris Awang (2006). Pendekatan Baru Maqasid al-Shariah Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 3(2). hh. 35-80.
- Sadeq, AbulHasan Muhammad (1990). *Economic Development in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M), Sdn. Bhd.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail & Razlini Mohd Ramli (2009b). Memahami Konsep Adil dan Amanah dalam Pemerintahan Kerajaan. Dalam Khairul `Azmi Mohamad et al. (penyunting). *Ke Arah Umat Hadhari* (hh. 101-119). Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail (2009a). Government Agencies and Public Services. Dalam Abdul Razak Baginda (ed.) *Governing Malaysia* (pp.141-165). Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Center.
- Todaro, M. P. & Smith, S. C. (2009). *Economic Development*. England: Pearson Education Limited.
- Travers, P. and Richardson, S. (1997). Material Well-Being and Human Well-Being. In F. Ackerman, D. Kiron, N. R. Goodwin, J. M. Harris and K. Gallagher (eds.). *Human Well-Being and Economic Goals*. Washington DC: Island Press.
- Veenhoven, Ruut (2004). Subjective Measures of Well-being, Discussion Paper No. 2004/07. Diperolehi dari [http://www.wider.unu.edu/publications/working-papers/discussion-papers/2004/en\\_GB/dp2004-007/](http://www.wider.unu.edu/publications/working-papers/discussion-papers/2004/en_GB/dp2004-007/), akses 16 Januari 2010.
- Zaidan, Abd al-Karim (1998). *Nizam al-Qada' fi al-Syar`iah al-Islamiyyah*. Beirut:al-Risalah Publisher.